

UJI MINDA

A Isi tempat kosong dengan kata ganda yang sesuai.

mata-mata	kekisi	gula-gula	anai-anai	turun-temurun
oleh-oleh	sesiku	kelip-kelip	anak-anak	kuih-muih

1. Lantai dapur rumah nenek itu telah reput kerana dimakan oleh _____.
2. Murid-murid di tadika itu mengambil bahagian dalam acara rebut _____ dalam sukaneka itu.
3. Banyak pelancong datang ke Kampung Kuantan untuk melihat _____ pada waktu malam.
4. Ayah Flora bertugas sebagai _____ di pejabat polis daerah sejak lima tahun yang lalu.
5. Tukang rumah itu menggunakan _____ untuk melukis sudut tepat bagi membuat tingkap.
6. Liana dan adiknya sedang bermain _____ di dalam bilik mereka.
7. Puan Haliza membeli _____ untuk keluarga dan kawan-kawannya semasa bercuti di Langkawi.
8. Ayah menukarkan _____ rumah datuk yang telah reput itu dengan yang baharu.
9. "_____ tradisional yang nenek sediakan ini sungguh enak," kata Nabila kepada neneknya.
10. "Sambal goreng ialah juadah tradisi yang menjadi warisan _____ keluarga kita," jelas ibu kepada Hanif.

B**Pilih jawapan yang betul.**

1. Murid-murid digalakkan untuk membaca pelbagai jenis bahan _____ untuk menambahkan ilmu pengetahuan.
A dibaca C bacakan
B bacaan D membaca
2. Puan Dewi sedang mengajar Puan Aini menyediakan _____ yang enak itu.
A pemanis
B manisan
C bermanis
D memaniskan
3. Beberapa orang penduduk sedang menyediakan _____ untuk tetamu.
A makanan
B dimakan
C pemakan
D pemakanan
4. _____ Hari Keluarga akan diadakan di Taman Mawar.
A Menyambut
B Disambut
C Bersambut
D Sambutan
5. "Jangan _____ lelaki yang mencurigakan itu," kata Puan Nani kepada anaknya.
A berdekot
B dekati
C dekatan
D terdekat
6. "Saya _____ ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun," ucap guru besar.
A akhiri
B berakhir
C terakhir
D pengakhiran
7. _____ amal itu akan diadakan di pekarangan Dewan Komuniti Taman Berjasa.
A Penjual C Jaulkan
B Menjual D Jualan
8. "_____ maklumat diri kamu pada borang penyertaan ini," arah urus setia itu.
A Tulisan C Tuliskan
B Penulis D Menulis
9. "Tolong _____ atur cara majlis ini kepada para penduduk," arah Encik Mustafa kepada Fuad.
A edaran
B edarkan
C beredar
D mengedarkan
10. "Sila _____ pergerakan anak-anak anda semasa bermain di taman permainan," pesan Encik Badrul.
A awasi
B berawas
C pengawas
D mengawasi

C Pilih jawapan yang betul.

1. "_____kah yang hantar kamu pulang dari sekolah tadi?" tanya ibu.
A Apa C Siapa
B Bila D Berapa
2. "Kamu memperoleh maklumat tentang keselamatan jalan raya ini di _____?" tanya Zulaika kepada Nabila.
A bila
B mana
C mengapa
D bagaimana
3. "_____kah cara-cara untuk menjaga keselamatan diri di rumah ketika ketiadaan ibu bapa di rumah?" tanya Hanif kepada rakannya.
A Siapa
B Bila
C Berapa
D Bagaimana
4. "_____kah kita tidak boleh menyimpan objek tajam seperti gunting dan pembaris keluli di rak buku?" tanya Nabilah kepada ayahnya.
A Apa C Mengapa
B Mana D Berapa
5. "_____ duduk di khemah yang disediakan," kata urus setia kepada pengunjung yang ingin menyaksikan perlumbaan pedal go-kart itu.
A Sila C Tolong
B Usah D Jangan
6. "_____ guna peralatan yang sudah rosak itu kerana boleh membahayakan diri kamu," kata Cikgu Hanafi kepada murid-muridnya.
A Minta C Jangan
B Tolong D Jemput
7. _____ saudara Imran bin Idris naik ke pentas untuk menerima hadiah.
A Jangan C Jemput
B Minta D Tolong
8. "_____lah kamu bimbang. Adik kamu hanya mengalami kecederaan ringan," pujuk ibu.
A Usah C Jemput
B Tolong D Minta
9. "_____ kamu menjaga keselamatan diri semasa mengikuti aktiviti berakit itu," pesan ayah kepada Hanif.
A Sila C Jangan
B Harap D Jemput
10. "_____ berikan perhatian semasa petugas memberikan taklimat tentang keselamatan," kata Encik Rizal.
A Minta
B Usah
C Jemput
D Tolong